

19 NOV 1999

Calon-Tajol

JAWATAN MB DI TANGAN PERDANA MENTERI, KATA TAJOL ROSLI

IPOH, 19 Nov (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata pertukaran beliau dari bertanding bagi kerusi Parlimen Gerik ke kerusi Dewan Undangan Negeri Kenering tidak semestinya bererti beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar selepas pilihan raya umum ini.

"Saya tidak pasti. Saya hanya bertanding bagi kerusi negeri, itu terserahlah kepada PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

Kawasan DUN Kenering merupakan kawasan pertama tempat beliau bertanding iaitu pada pilihan raya kecil 1977 selepas dikosongkan oleh ayahnya Tan Sri Ghazali Jawi, bekas Menteri Besar Perak.

"Selepas sembilan bulan memegang kerusi tersebut, saya bertanding bagi kerusi Parlimen Gerik pada pilihan raya umum 1978 sehingga sekarang," katanya kepada pemberita selepas pengumuman calon Barisan Nasional (BN) Perak oleh pengerusi BN Negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib hari ini.

Tajol Rosli berkata beliau tidak menerima sebarang bayangan daripada Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi BN, mengenai pertukaran itu.

Katanya tindakannya kini adalah untuk balik ke kawasan dan membantu Ramli memastikan BN akan mencapai kemenangan di semua kerusi BN, dan beliau yakin dengan kepimpinan Ramli, ia dapat dijayakan.

Ramli pula berkata beliau tidak terperanjat dengan keputusan pucuk pimpinan BN untuk menukarnya bertanding daripada kerusi Dewan Undangan Negeri Kampung Gajah ke Parlimen Pasir Salak.

"... saya sudah menetapkan pendirian saya bahawa sama ada Parlimen atau negeri ia adalah keputusan pucuk pimpinan dan saya akan patuh," katanya.

Ramli berkata setakat ini beliau tidak pasti siapa yang akan menggantikannya sebagai Menteri Besar yang baru walaupun terdapat spekulasi yang mengatakan bahawa Tajol Rosli adalah calon terdekat.

-- BERNAMA

TM NMO